



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PENYELIAAN BERSAMA
(JOINT SUPERVISION),
DWI IJAZAH (DOUBLE DEGREE), DUAL
IJAZAH (DUAL DEGREE)
DAN
IJAZAH BERSAMA (JOINT DEGREE)
BAGI PROGRAM AKADEMIK
DI PERINGKAT PASCASISWAZAH
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENYELIAAN BERSAMA (JOINT SUPERVISION), DWI IJAZAH (DOUBLE DEGREE), DUAL IJAZAH (DUAL DEGREE) DAN IJAZAH BERSAMA (JOINT DEGREE) BAGI PROGRAM AKADEMIK DI PERINGKAT PASCASISWAZAH UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) komited untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi, penyelidikan bersepadu dan sokongan yang komprehensif, serta selaras dengan keperluan pendidikan semasa. UTHM sentiasa berusaha dan bersedia untuk mengembangkan persekitaran pendidikan dan penyelidikan agar dapat bersaing dengan institusi pendidikan diperingkat negara dan antarabangsa.

Kerjasama strategik antara UTHM dengan institusi dalam dan luar negara dapat meningkatkan '*visibility*' UTHM dan mendapat pengiktirafan diperingkat negara dan antarabangsa. Di samping itu, ia juga akan meningkatkan hubungan erat antara UTHM dengan universiti di dalam dan luar negara serta menjadi tempat tumpuan para ilmuan menimba ilmu pengetahuan.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Pelaksanaan Penyeliaan Bersama (Joint Supervision), Dwi Ijazah (Double Degree), Dual Ijazah (Dual Degree) Dan Ijazah Bersama (Joint Degree) Bagi Program Akademik Di Peringkat Pascasiswazah, UTHM.
- 2.2 Tujuan garis panduan disediakan adalah untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada fakulti/institut tentang definisi, kaedah pelaksanaan dan pengawal seliaan yang melibatkan penyelia, pelajar, fakulti/institut

dan pihak luar yang berkerjasama untuk pelaksanaan program akademik di peringkat sarjana dan kedoktoran di UTHM.

- 2.3 Garis panduan ini hendaklah terpakai kepada setiap penyelia dan setiap pelajar yang mendaftar sesuatu program yang mengurniakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa garis panduan ini.
- 2.4 Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang berkaitan dan sedang berkuatkuasa.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Penawaran program akademik yang berkualiti dan melahirkan siswazah yang cemerlang adalah hasrat dan aspirasi UTHM. Program yang bersifat transnasional akan melonjakkan nama dan meningkatkan keupayaan universiti dalam usaha bersaing dengan universiti ternama lain.
- 3.2 Mempertingkatkan hubungan dan aktiviti dengan UTHM dengan universiti-universiti yang mempunyai hubungan sama ada melalui MoU atau MoA. Ia juga akan menggalakkan perkongsian kepakaran atau peralatan dalam kalangan universiti/institusi pendidikan yang berkerjasama dengan UTHM.
- 3.3 Kepelbagaian mod penawaran pengajian dan pengajian yang lebih fleksibel diharapkan akan dapat menarik minat bakal pelajar dan akhirnya dapat meningkatkan jumlah pelajar siswazah di UTHM.
- 3.4 Pengalaman pembelajaran atau '*experiential learning*' di institusi yang berbeza akan memberi pengalaman yang baharu kepada pelajar dan

dapat menjalin hubungan kerjasama di kalangan penyelidik pada masa hadapan.

- 3.5 UTHM berhasrat untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan berwibawa. Oleh yang demikian, mereka perlu didedahkan dengan budaya kerja dan disiplin rakan sepenyelidikan yang sesuai dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya ia akan memantapkan kesediaan graduan untuk mengharungi pelbagai kaedah pengajian di Universiti.

4.0 DEFINISI

Takrifan yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

- (i) **Universiti** merujuk kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- (ii) **Penyeliaan Bersama (Joint Supervision)** merujuk kepada program pengajian yang melibatkan pelantikan penyelia luar daripada universiti/institusi berdasarkan kepakaran dan bidang penyelidikan. Penganugerahan ijazah melibatkan satu universiti/institusi sahaja.
- (iii) **Dwi Ijazah (Double Degree)** merujuk kepada gabungan dua program pengajian daripada dua bidang yang berbeza yang melibatkan UTHM dengan universiti/institusi lain sama ada dalam negara atau luar negara. Program ini boleh ditawarkan di peringkat UTHM yang melibatkan dua fakulti yang berbeza. Setelah memenuhi semua syarat-syarat penganugerahan ijazah kedua-dua fakulti atau universiti, pelajar akan dianugerahkan dua ijazah yang berasingan.
- (iv) **Dual Ijazah (Dual Degree)** merujuk kepada gabungan dua program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan antara UTHM dengan universiti/institusi lain sama ada

dalam negara atau luar negara. Pelajar akan menerima dua ijazah yang berasingan daripada universiti/institusi yang bekerjasama.

- (v) **Ijazah Bersama (Joint Degree)** merujuk kepada program pengajian yang dijalankan secara kerjasama di antara UTHM dengan universiti/institusi lain sama ada dalam negara atau luar negara yang membawa kepada satu skrol penganugerahan bersama yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti/institusi yang bekerjasama.
- (vi) **Jawatankuasa Penyeliaan** merujuk kepada suatu jawatankuasa yang terdiri daripada seorang guru Universiti yang dilantik sebagai Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua ahli lain sebagai Ahli Jawatankuasa Penyeliaan untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis/disertasi dan membimbing serta menilai pengajian calon.
- (vii) **Penyelia** merujuk kepada staf akademik yang dilantik untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis/disertasi dan membimbing serta menilai pengajian calon yang boleh terdiri daripada Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama atau Jawatankuasa Penyeliaan atau Penyelia Luar.
- (viii) **Penyelia Utama** merujuk kepada staf akademik yang dilantik secara individu atau mengetuai kumpulan dua orang penyelia untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis dan membimbing serta menilai pengajian calon mod penyelidikan.
- (ix) **Penyelia Bersama** merujuk kepada staf akademik yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia Utama (jika berkenaan) untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis dan membimbing serta menilai pengajian calon.
- (x) **Penyelia Luar** merujuk kepada staf akademik atau pakar dari luar Universiti yang dilantik sebagai Penyelia Kedua atau ahli

Jawatankuasa Penyeliaan untuk menyelia penyelidikan, penyediaan tesis dan membimbing serta menilai pengajian calon.

- (xi) **Pemeriksa Dalam** merujuk kepada staf akademik yang dilantik oleh Fakulti/Institut untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan seseorang calon.
- (xii) **Pemeriksa Luar** merujuk kepada staf akademik atau pakar bidang dari luar Universiti yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan seorang calon.
- (xiii) **Peperiksaan Lisan** merujuk kepada peperiksaan untuk calon mempertahankan hasil kajian yang dibentangkan dalam tesis/disertasi di hadapan jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
- (xiv) **Projek sarjana** merujuk kepada kerja-kerja penyelidikan berserta dengan penulisan ilmiah yang dilakukan oleh pelajar di peringkat sarjana.
- (xv) **Disertasi** merujuk kepada kerja-kerja penyelidikan berserta dengan penulisan ilmiah yang dilakukan oleh pelajar di peringkat sarjana secara mod campuran.
- (xvi) **Tesis** merujuk kepada kerja-kerja penyelidikan berserta dengan penulisan ilmiah yang dilakukan oleh pelajar di peringkat sarjana secara penyelidikan atau peringkat kedoktoran secara penyelidikan.
- (xvii) **Fakulti/Pusat** merujuk kepada pusat tanggungjawab yang menjalankan atau menguruskan sebarang aktiviti akademik pelajar berdaftar contohnya pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.

- (xviii) **Staf akademik** merujuk kepada pegawai universiti yang dilantik secara tetap, kontrak, atau sambilan ke jawatan Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Tutor, Guru Bahasa, dan Felo Industri.
- (xix) **Pelajar** merujuk kepada seseorang calon berdaftar Universiti yang mengikuti pengajian siswazah di Universiti bagi suatu program.
- (xx) **Semester lazim** merujuk kepada satu tempoh pengajian yang dinyatakan dalam kalendar akademik tahunan universiti.
- (xxi) **Semester Khas** merujuk kepada satu tempoh pengajian selain daripada semester panjang yang dinyatakan di dalam kalendar akademik tahunan universiti.
- (xxii) **Ijazah Kedoktoran** atau **Doktor Falsafah** merujuk kepada suatu perakuan yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang calon yang telah memenuhi syarat program Ijazah Doktor Falsafah atau Ijazah Kedoktoran lain yang diiktiraf oleh Senat.
- (xxiii) **Ijazah Sarjana** merujuk kepada perakuan yang diberi oleh Universiti kepada seorang calon yang telah memenuhi syarat program Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Senat.
- (xxiv) **Harta Intelek** merujuk kepada hasil kerja penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar disepanjang tempoh pengajian mereka di UTHM dan institusi yang bekerjasama.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.1 Universiti bertanggungjawab memantau pelaksanaan setiap program akademik (dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama) yang ditawarkan tertakluk kepada Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UTHM.

- 5.2 Pelajar yang mengikuti program akademik secara dwi ijazah, dual ijazah atau ijazah bersama adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Akademik dan syarat-syarat penganugerahan kedua-dua fakulti atau universiti.
- 5.3 Program akademik dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama boleh dilaksanakan untuk semua mod pengajian peringkat sarjana (mod penyelidikan, mod kerja kursus atau mod campuran) dan peringkat kedoktoran (mod campuran atau mod penyelidikan).

6.0 PENYELIAAN BERSAMA (JOINT SUPERVISION)

6.1 Proses Kelulusan Pelaksanaan Program

- 6.1.1 Kuasa tertinggi kelulusan pelaksanaan program yang melibatkan penyeliaan bersama ini adalah fakulti.
- 6.1.2 Pemilik program penyeliaan bersama adalah UTHM.
- 6.1.3 Proses pelaksanaan program yang melibatkan penyeliaan bersama ini tidak memerlukan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan tidak memerlukan Memorandum Perjanjian (MoA).

6.2 Kemasukan dan Pendaftaran Program

- 6.2.1 Syarat kemasukan bagi program yang melibatkan penyeliaan bersama ini adalah tertakluk kepada syarat kedua-dua pihak yang terlibat.
- 6.2.2 Pendaftaran pengajian perlu dibuat di UTHM sahaja.

6.2.3 Bayaran yuran pengajian perlu dibuat di UTHM sahaja.

6.3 Struktur Kurikulum Program

6.3.1 Struktur kurikulum program penyeliaan bersama ditentukan oleh UTHM sahaja.

6.3.2 Pelaksanaan program yang melibatkan penyeliaan bersama dijalankan secara serentak.

6.3.3 Program penyeliaan bersama tidak melibatkan perpindahan kredit kecuali bagi kursus kaedah penyelidikan tertakluk kepada keperluan program.

6.3.4 Program penyeliaan bersama hanya boleh dilaksanakan bagi program jenis penyelidikan sepenuhnya.

6.3.5 Pelajar tidak dimestikan mengikuti program sangkutan penyelidikan/kelas/kursus.

6.4 Proses Penyeliaan

6.4.1 Perlantikan Penyelia

Pelantikan penyelia bagi program penyeliaan bersama adalah melibatkan penyelia utama dari UTHM dan penyelia bersama dari universiti/institusi yang bekerjasama.

6.4.2 Bilangan Penyelia

Bilangan minimum penyelia yang dilantik adalah seorang penyelia dari kedua-dua universiti.

6.4.3 Laporan Kemajuan

Pelajar perlu mengemukakan laporan kemajuan kepada penyelia atau penyelaras masing-masing seperti yang dipersetujui oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

6.5 Pelaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Peperiksaan Lisan (Viva)

6.5.1 Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan oleh UTHM.

6.5.2 Hanya melibatkan penyediaan satu tesis sahaja dan satu sesi peperiksaan lisan.

6.5.3 Peperiksaan lisan akan dijalankan di UTHM dan tertakluk kepada peraturan-peraturan pengajian pascasiswazah UTHM.

6.6 Penganugerahan

6.6.1 Pelajar akan dianugerahkan ijazah setelah memenuhi semua syarat penganugerahan yang ditetapkan oleh UTHM.

6.6.2 Pelajar akan menerima satu skrol penganugerahan yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh UTHM sahaja.

6.6.3 Nama penganugerahan yang akan diberi kepada pelajar adalah mengikut nama program di UTHM.

6.7 Hasil Penyelidikan (Harta Intelekt)

6.7.1 Pemilikan harta intelek adalah tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa di UTHM.

6.7.2 Hasil daripada pengkomersilan adalah tertakluk kepada tatacara dan prosedur yang sedang berkuatkuasa di UTHM.

7.0 DWI IJAZAH (DOUBLE DEGREE)

7.1 Proses Kelulusan Pelaksanaan Program

7.1.1 Pelaksanaan program Dwi Ijazah perlu mendapat kelulusan Senat dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebelum dilaksanakan dan ditawarkan kepada pelajar.

7.1.2 Pemilik program dwi ijazah adalah UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

7.1.3 Proses pelaksanaan program dwi ijazah memerlukan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

7.1.4 Satu bentuk perjanjian diperlukan sama ada dalam bentuk MoU atau MoA atau Surat Cara tertentu antara UTHM dengan universiti/institusi yang bekerjasama dan diperakui oleh Lembaga Pengarah Universiti.

7.2 Kemasukan dan Pendaftaran Program

- 7.2.1 Syarat kemasukan bagi program ini adalah tertakluk kepada syarat kemasukan UTHM dan institusi yang bekerjasama.
- 7.2.2 Pendaftaran pelajar program dwi ijazah perlu dilakukan di UTHM dan di universiti/institusi yang bekerjasama.
- 7.2.3 Bayaran yuran pengajian bagi pelajar program dwi ijazah perlu dibuat di kedua-dua universiti berdasarkan kadar yang dipersetujui dalam memorandum perjanjian (MoA).
- 7.2.4 Kos yang berkaitan dengan penyeliaan, lawatan dan pemeriksaan tesis adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

7.3 Struktur Kurikulum Program

- 7.3.1 Struktur kurikulum program dwi ijazah ditentukan oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.
- 7.3.2 Pelaksanaan program dwi ijazah boleh dijalankan secara serentak atau berturutan.
- 7.3.3 Peratus perpindahan kredit kursus yang dibenarkan untuk program ijazah bersama ialah maksimum 50%.
- 7.3.4 Pelajar yang mengikuti program dwi ijazah wajib mengikuti program sangkutan penyelidikan (*research attachment*) / kelas / kursus yang telah dipersetujui bersama di UTHM.

7.3.5 Tempoh minimum program sangkutan adalah mengikut suatu tempoh yang dipersetujui bersama.

7.4 Proses Penyeliaan

7.4.1 Pelantikan Penyelia

Pelantikan penyelia bagi program dwi ijazah adalah melibatkan penyelia utama dari UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

7.4.2 Bilangan Penyelia

Bilangan minimum penyelia yang dilantik adalah seorang penyelia dari kedua-dua universiti.

7.4.3 Laporan Kemajuan

Pelajar perlu mengemukakan laporan kemajuan kepada penyelia atau penyelaras masing-masing seperti yang dipersetujui oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

7.5 Perlaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Peperiksaan Lisan (Viva)

7.5.1 Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

7.5.2 Program dwi ijazah boleh dilaksanakan bagi semua jenis program pasca siswazah (kerja kursus / kerja kursus dan penyelidikan / penyelidikan).

7.5.3 Bilangan sesi peperiksaan lisan dijalankan dalam program dwi ijazah adalah bergantung kepada keperluan UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

7.6 Penganugerahan

7.6.1 Pelajar akan dianugerahkan ijazah setelah memenuhi semua syarat penganugerahan yang ditetapkan oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

7.6.2 Pelajar akan menerima dua skrol yang dikeluarkan oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

7.6.3 Pernyataan jenis program dwi ijazah adalah tercatat di transkrip sahaja.

7.6.4 Nama penganugerahan dwi ijazah adalah mengikut penamaan UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

7.6.5 Pelajar boleh dianugerahkan satu ijazah sahaja jika tidak memenuhi keperluan graduasi bagi program yang kedua.

7.7 Hasil Penyelidikan (Harta Intelekt)

7.7.1 Pemilikan harta intelek adalah tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa di UTHM. Walau bagaimanapun ia juga tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak seperti yang dinyatakan dalam perjanjian MoU atau MoA.

8.0 DUAL IJAZAH (DUAL DEGREE)

8.1 Proses Kelulusan Perlaksanaan Program

- 8.1.1 Kuasa tertinggi kelulusan pelaksanaan program dual ijazah adalah Senat UTHM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 8.1.2 Pemilik program dual ijazah adalah UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.
- 8.1.3 Proses pelaksanaan program ijazah bersama memerlukan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- 8.1.4 Satu bentuk perjanjian sama ada dalam bentuk MoU atau MoA atau Surat Cara tertentu antara UTHM dengan universiti/institusi yang bekerjasama dan diperakui oleh Lembaga Pengarah Universiti.

8.2 Kemasukan dan Pendaftaran Program

- 8.2.1 Syarat kemasukan bagi program ini adalah tertakluk kepada syarat UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.
- 8.2.2 Pendaftaran pelajar program dual ijazah perlu dilakukan di UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.
- 8.2.3 Bayaran yuran pengajian program dual ijazah perlu dibuat di kedua-dua universiti berdasarkan kadar yang dipersetujui dalam Memorandum Perjanjian (MoA).
- 8.2.4 Kos yang berkaitan dengan penyeliaan, lawatan dan pemeriksaan tesis adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

8.3 Struktur Kurikulum Program

- 8.3.1 Struktur kurikulum program dual ijazah ditentukan oleh UTHM dan universiti/institusi secara bersama.
- 8.3.2 Pelaksanaan program dual ijazah adalah dijalankan secara serentak bagi program kerja kursus, dan serentak atau berturutan bagi program penyelidikan.
- 8.3.3 Program dual ijazah yang dilaksanakan secara kerja kursus sepenuhnya tidak melibatkan perpindahan kredit.
- 8.3.4 Pelajar yang mengikuti program dual ijazah wajib mengikuti program sangkutan penyelidikan (*research attachment*) / kelas / kursus di universiti/institusi yang bekerjasama.
- 8.3.5 Tempoh minimum program sangkutan adalah mengikut suatu tempoh yang dipersetujui bersama.
- 8.3.6 Program dual ijazah boleh dilaksanakan bagi semua jenis program pasca siswazah (kerja kursus / mod campuran / penyelidikan).

8.4 Proses Penyeliaan

- 8.4.1 Perlantikan Penyelia
Pelantikan penyelia bagi program dual ijazah adalah melibatkan penyelia utama dari UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.
- 8.4.2 Bilangan Penyelia
Bilangan minimum penyelia yang dilantik adalah seorang penyelia dari kedua-dua universiti.

8.4.3 Laporan Kemajuan

Pelajar perlu mengemukakan laporan kemajuan kepada penyelia atau penyelaras masing-masing seperti yang dipersetujui oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

8.5 Pelaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Peperiksaan Lisan (Viva)

8.5.1 Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang ditetapkan oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

8.5.2 Bilangan sesi peperiksaan lisan dijalankan dalam program dual ijazah adalah bergantung kepada keperluan kedua-dua universiti.

8.5.3 Program dual ijazah secara penyelidikan sepenuhnya mesti melibatkan penghasilan dua tesis dengan perbezaan skop kajian atas persetujuan bersama.

8.5 Penganugerahan

8.5.1 Pelajar akan dianugerahkan ijazah setelah memenuhi semua syarat penganugerahan yang ditetapkan oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

8.5.2 Pelajar akan menerima dua skrol yang dikeluarkan oleh kedua-dua universiti yang terlibat dalam program dual ijazah ini. Pernyataan khas yang menghubungkan dua skrol penganugerahan perlu tercatat di dalam skrol. Contoh *linking statement* adalah seperti di **Rajah 1**.

This degree is conferred under a Dual Degree Program agreement between **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia** and **University A**

Rajah 1. Contoh pernyataan khas

8.5.3 Pernyataan jenis program dual ijazah adalah tercatat di transkrip sahaja.

8.5.4 Nama penganugerahan dual ijazah adalah mengikut penamaan UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

8.6 Hasil Penyelidikan (Harta Intelekt)

8.6.1 Pemilikan harta intelek adalah tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa di UTHM. Walau bagaimanapun ia juga tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak seperti yang dinyatakan dalam perjanjian MoU atau MoA.

9.0 IJAZAH BERSAMA (JOINT DEGREE)

9.1 Proses Kelulusan Pelaksanaan Program


9.1.1 Kuasa tertinggi kelulusan pelaksanaan program ijazah bersama adalah Senat UTHM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

9.1.2 Pemilik program ijazah bersama adalah UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

9.1.3 Proses pelaksanaan program ijazah bersama memerlukan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

9.1.4 Satu bentuk perjanjian sama ada dalam bentuk MoU atau MoA atau Surat Cara tertentu antara UTHM dengan universiti/institusi yang bekerjasama dan diperakui oleh Lembaga Pengarah Universiti.

9.1.5 Ilustrasi program ijazah bersama adalah seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Bentuk program secara ijazah bersama (Sumber, MQA 2016)

9.2 Kemasukan dan Pendaftaran Program

9.2.1 Syarat kemasukan bagi program ini adalah tertakluk kepada syarat kedua-dua universiti/institusi yang bekerjasama.

9.2.2 Bagi program yang hanya melibatkan kerjasama antara universiti dalam negara sahaja, pendaftaran pelajar perlu dilakukan di UTHM sahaja. Bagi program yang melibatkan kerjasama dengan universiti luar negara, pendaftaran pelajar boleh melibatkan UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama atau tertakluk kepada keperluan.

9.2.3 Bayaran yuran pengajian bagi pelajar program ijazah bersama perlu dibuat di UTHM sahaja. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui dengan universiti yang bekerjasama.

9.2.4 Kos yang berkaitan dengan penyeliaan, lawatan dan pemeriksaan tesis adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang

telah dipersetujui bersama oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

9.3 Struktur Kurikulum Program

9.3.1 Struktur kurikulum program ijazah bersama ditentukan bersama oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

9.3.2 Pelaksanaan program ijazah bersama adalah dijalankan secara serentak.

9.3.3 Peratus perpindahan kredit kursus yang dibenarkan untuk program ijazah bersama ialah maksimum 50% atau tertakluk kepada peraturan UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

9.3.4 Pelajar yang mengikuti program ijazah bersama wajib mengikuti program sangkutan penyelidikan (*research attachment*) / kelas / kursus di UTHM.

9.3.5 Tempoh minimum program sangkutan adalah mengikut suatu tempoh yang dipersetujui bersama.

9.3.6 Program ijazah bersama boleh dilaksanakan bagi semua jenis program pasca siswazah (kerja kursus / mod campuran / penyelidikan).

9.4 Proses Penyeliaan

9.4.1 Perlantikan Penyelia

Pelantikan penyelia bagi program ijazah bersama adalah melibatkan penyelia utama dari UTHM dan penyelia bersama dari universiti/institusi yang bekerjasama.

9.4.2 Bilangan Penyelia

Bilangan minimum penyelia yang dilantik adalah seorang penyelia dari kedua-dua universiti.

9.4.3 Laporan Kemajuan

Pelajar perlu mengemukakan laporan kemajuan kepada penyelia atau penyelaras masing-masing seperti yang dipersetujui oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

9.5 Pelaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Peperiksaan Lisan (Viva)

9.5.1 Bilangan pemeriksa adalah mengikut syarat yang dipersetujui bersama oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

9.5.2 Program ijazah bersama melibatkan penyediaan satu tesis sahaja dan satu sesi peperiksaan lisan tertakluk kepada persetujuan bersama.

9.5 Penganugerahan

9.5.1 Pelajar akan dianugerahkan ijazah setelah memenuhi semua syarat penganugerahan yang ditetapkan oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

9.5.2 Pelajar program ijazah bersama akan menerima satu skrol penganugerahan bersama yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama atau tertakluk kepada persetujuan bersama.

9.5.3 Pernyataan jenis program ijazah bersama adalah tercatat di transkrip sahaja.

9.5.4 Nama penganugerahan ijazah bersama adalah mengikut nama yang dipersetujui oleh UTHM dan universiti/institusi yang bekerjasama.

9.6 Hasil Penyelidikan (Harta Intelekt)

9.6.1 Pemilikan harta intelek adalah tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa di UTHM. Walau bagaimanapun ia juga tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak seperti yang dinyatakan dalam perjanjian MoU atau MoA.

10.0 PERANAN DAN PIHAK BERTANGGUNGJAWAB

10.1 Fakulti/Pusat bertanggungjawab untuk mewujudkan jaringan strategik dengan institusi yang bekerjasama.

10.2 Fakulti/Pusat bertanggungjawab untuk memilih program akademik siswazah yang sesuai atau memenuhi hasrat universiti melalui kerjasama penawaran program akademik.

10.3 Fakulti/Pusat berperanan menggunakan sesuatu kaedah yang sesuai untuk mengenalpasti calon siswazah yang berpotensi dari aspek akademik dan ketrampilan.

10.4 Fakulti/Pusat dengan kerjasama pejabat perundangan akan menyediakan dan menyemak isi kandungan perjanjian MoU atau MoA atau Surat Cara untuk mendapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah Universiti.

- 10.5 Fakulti/Pusat dan universiti/institusi yang bekerjasama akan mendaftarkan pelajar sarjana atau kedoktoran di universiti/institusi masing-masing.
- 10.6 Fakulti/Pusat dan universiti/institusi yang bekerjasama akan menyelia, memantau dan menyelaras semua aktiviti penyelidikan dan aktiviti akademik yang dilakukan oleh pelajar yang berdaftar.
- 10.7 Fakulti/Pusat dan universiti/institusi yang bekerjasama bertanggungjawab untuk memastikan laporan kemajuan penyelidikan atau keputusan peperiksaan pelajar pada setiap semester kepada penyelia atau penyelaras di UTHM dan unversiti/institusi yang terlibat.
- 10.8 Fakulti/Pusat dan universiti/institusi yang bekerjasama bertanggungjawab untuk menguruskan peperiksaan, penyerahan tesis dan peperiksaan pelajar.
- 10.9 Fakulti/Pusat dan unversiti/institusi yang bekerjasama bertanggungjawab untuk menganugerahkan ijazah seperti yang dipersetujui dalam perjanjian setelah pelajar memenuhi syarat-syarat bergraduan.
- 10.10 Fakulti/Pusat dan unversiti/institusi yang bekerjasama adalah berperanan untuk menguruskan hal yang berkaitan dengan pemilikan hasil penyelidikan atau harta intelek.

11.0 CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN

Carta alir proses pelaksanaan program akademik pascasiswazah dwi ijazah, dual ijazah dan ijazah bersama dinyatakan dalam **Lampiran 1**.

12.0 AM / PENAFIAN

- 12.1 UTHM berhak mengubah dasar ini dari masa ke semasa.
- 12.2 Garis Panduan Penyeliaan Bersama (Joint Supervision), Dwi Ijazah (Double Degree), Dual Ijazah (Dual Degree) dan Ijazah Bersama (Joint Degree) bagi program akademik peringkat pengajian pascasiswazah ini akan disemak mengikut keperluan semasa.

13.0 RUJUKAN

- 13.1 Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua (2016). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 13.2 Garis Panduan Pemohonan Program Akademik Edisi Kedua (2015). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 13.3 Kompilasi Dasar Tahun 2009-2013 (2014). Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- 13.4 Kompilasi Dasar Tahun 2015-2016. Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik, Agensi Kelayakan Malaysia.
- 13.5 Pekeliling BPPA, Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2016.
- 13.6 Polisi Program Berganda dan Usahasama Pengajian Siswazah UTM.
- 13.7 Polisi Program Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama Pengajian Siswazah Di UTM.
- 13.8 Dapatan Soal Selidik dalam kalangan ahli MDPS (1&2), Bengkel Pemurnian Garis Panduan MDPS 25 Ogos 2017.

13.9 Garis Panduan Pelaksanaan Program Akademik Joint Supervision/Joint Degree/Dual Degree/Double Degree Di Peringkat Pasca Siswazah, Majlis Dekan Pengajian Siswazah (MDPS), 2017.

13.9 Panduan Penulisan Tesis (Bahagian Penulisan Rujukan), Pusat Pengajian Siswazah UTHM.

Lampiran 1

Rajah 1. Carta alir Penyeliaan Bersama (Joint Supervision), Dwi Ijazah (Double Degree), Dual Ijazah (Dual Degree) Dan Ijazah Bersama (Joint Degree)

